



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
BALIK PULAU

# INSTITUSI KELUARGA



**PENULIS:**

**HALIMATUS SAADIAH BINTI KARIYA**

**NURUL ADHA BINTI RAJALI**

**NURULHUDA BINTI AZIZAN**

© Jabatan Pengajian Am, Politeknik Balik Pulau  
Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula atau disebarikan dalam apa jua bentuk dan cara, sama ada dengan cara elektronik atau mekanikal termasuk fotokopi atau apa-apa sistem penyimpanan dan pengambilan maklumat tanpa kebenaran secara bertulis daripada penerbit Politeknik Balik Pulau.

**EDITOR**

Siti Nazilah binti Hamzah

**PENYEMAK KANDUNGAN**

Mohd Azrul bin Jaafar

**PENULIS**

Halimatus Saadiah binti Kariya

Nurul Adha binti Rajali

Nurulhuda binti Azizan

**TEKNIKAL DAN REKAGRAFIK**

Siti Nazilah binti Hamzah

Nur Idayu binti Awang Teh

**Diterbitkan oleh:**

Jabatan Pengajian Am

Politeknik Balik Pulau

Pinang Nirai, Mukim 6

11000 Balik Pulau

Pulau Pinang



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-967-2765-13-4

# PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa, tenaga yang dianugerahkan kepada panel penulis e-Book Institusi Keluarga berjaya menerbitkan sebuah buku rujukan digital yang boleh digunakan untuk pelajar dan pensyarah Politeknik Malaysia.

Setinggi penghargaan terima kasih didedikasikan kepada semua Jawatankuasa Pembangun Bahan e-Book Politeknik Balik Pulau. Setinggi ucapan terima kasih buat Siti Nazilah binti Hamzah, Ketua Jabatan Pengajian Am (KJPA) yang banyak mencurahkan idea dan pandangan dalam penerbitan e-Book Institusi Keluarga ini.

Syabas dan tahniah atas komitmen penulis e-Book Institusi Keluarga iaitu Halimatus Saadiah Binti Kariya, Nurul Adha binti Rajali dan Nurulhuda binti Azizan.

Diharapkan e-Book Institusi Keluarga ini mampu memberi manfaat buat semua pelajar Politeknik Balik Pulau khususnya dan pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia umumnya.

# ABSTRAK

Penerbitan e-Book institusi Keluarga adalah bertujuan untuk meningkatkan pemahaman pelajar bagi Kursus Pengajian Islam. Penulisan e-book ini memfokuskan topik yang ketiga iaitu Institusi Islam. Kandungan penulisan dikupas dengan terperinci dan menyeluruh merangkumi konsep institusi keluarga dan cabaran dalam institusi keluarga. Konsep institusi keluarga dibahas secara ilmiah bagi mendalami tanggungjawab setiap ahli dalam institusi keluarga iaitu suami isteri, ibu bapa, tanggungjawab bersama suami isteri, tanggungjawab ibu bapa terhadap anak dan sebaliknya anak kepada ibu bapa.

Hal ini kerana, setiap ahli mempunyai peranan masing-masing dalam mewujudkan mahabbah dan saling hormat menghormati antara satu sama lain. Turut dibincangkan berkenaan permasalahan dalam institusi keluarga yang merangkumi faktor berlakunya permasalahan tersebut, kesannya kepada institusi keluarga, cara mengatasi dan tindakan yang boleh diambil terhadap pengabaian tanggungjawab dan hak dalam institusi keluarga. Soalan latih tubi juga turut disediakan di akhir kandungan sebagai pengukuhan kepada para pelajar.

# ISI KANDUNGAN

|            |   |           |
|------------|---|-----------|
| <b>1.0</b> | <b>PENGENALAN</b>   | <b>1</b>  |
| <b>2.0</b> | <b>KONSEP INSTITUSI KELUARGA</b><br>2.1 Tanggungjawab Suami/Bapa<br>2.2 Tanggungjawab Isteri/Ibu<br>2.3 Tanggungjawab Bersama Suami Isteri<br>2.4 Tanggungjawab Ibu Bapa Terhadap Anak<br>2.5 Tanggungjawab Anak Terhadap Ibu Bapa Dan Keluarga   | <b>4</b>  |
| <b>3.0</b> | <b>CABARAN DALAM INSTITUSI KELUARGA</b><br>3.1 Permasalahan Dalam Institusi Keluarga<br>3.2 Punca Berlaku Permasalahan Institusi Keluarga<br>3.3 Kesan Permasalahan Dalam Institusi Keluarga<br>3.4 Cara Mengatasi Permasalahan Institusi Keluarga<br>3.5 Tindakan Terhadap Pengabaian Tanggungjawab Dalam Institusi Keluarga | <b>33</b> |
| <b>4.0</b> | <b>TINTA SOAL JAWAB</b>   | <b>59</b> |
| <b>5.0</b> | <b>PENUTUP</b>  | <b>75</b> |
| <b>6.0</b> | <b>LATIHAN</b>  | <b>77</b> |
| <b>7.0</b> | <b>RUJUKAN</b>  | <b>79</b> |

# 1.0 PENGENALAN

# 1.0 PENGENALAN

“

Keluarga yang bahagia adalah asas kepada kehidupan yang seimbang, harmoni, dan penuh kasih sayang. Ia merupakan unit sosial terkecil dalam masyarakat yang memainkan peranan penting dalam membentuk individu yang sihat dari segi fizikal, emosi, dan mental. Keluarga yang bahagia dicirikan oleh hubungan yang erat antara semua ahli keluarga, di mana komunikasi yang terbuka, sokongan emosi, dan saling menghormati menjadi asas dalam kehidupan seharian.

”

“

Setiap ahli keluarga, termasuk ibu bapa dan anak-anak, memainkan peranan penting dalam membentuk suasana yang positif dan menyokong. Keluarga yang bahagia bukan sahaja penting untuk kebahagiaan individu tetapi juga memberi kesan besar kepada perkembangan sosial dan moral anak-anak, menjadikan mereka individu yang bertanggungjawab, berkeyakinan, dan berintegriti.

”



“

Di dalam keluarga yang bahagia, setiap ahli berasa disayangi, dihargai, dan selamat. Perasaan selamat ini membolehkan mereka berkongsi pandangan dan perasaan tanpa rasa takut dihakimi atau dipinggirkan. Keluarga ini juga mengamalkan nilai-nilai seperti hormat-menghormati, kejujuran, kesetiaan, dan tolong-menolong, yang bukan sahaja mengukuhkan ikatan keluarga tetapi juga membentuk asas moral yang kukuh dalam kehidupan mereka.

”

“

Secara keseluruhannya, keluarga yang bahagia adalah benteng yang kuat untuk menghadapi dunia luar dan cabaran hidup. Mereka adalah sumber kekuatan, kebahagiaan, dan kesejahteraan yang membentuk kehidupan yang seimbang serta penuh makna.

”

“

Secara keseluruhannya, keluarga yang bahagia adalah benteng yang kuat untuk menghadapi dunia luar dan cabaran hidup. Mereka adalah sumber kekuatan, kebahagiaan, dan kesejahteraan yang membentuk kehidupan yang seimbang serta penuh makna.

”



# 2.0

# KONSEP INSTITUSI KELUARGA


Three horizontal bars of varying lengths and colors (gold and green) are positioned below the title.

## 2.0 KONSEP INSTITUSI KELUARGA

Islam merupakan agama syumul dan sempurna yang membicarakan dengan lengkap segala jenis aspek dari sekecil perkara sehingga kepada perkara yang lebih besar. Keluarga merupakan satu komponen yang penting dalam proses pembentukan masyarakat dan negara. Dalam Islam keluarga merupakan satu kelompok atau kumpulan manusia yang hidup bersama sebagai satu kesatuan atau unit masyarakat terkecil dan mempunyai hubungan darah, ikatan perkawinan atau ikatan lainnya, tinggal bersama dalam satu rumah yang dipimpin oleh seorang ketua keluarga.

“Islam memandang keluarga sebagai sebuah institusi pencorak masyarakat yang bakal dibina. Di dalam Islam tanggungjawab kepimpinan keluarga pada asasnya terletak pada kaum lelaki. Walau bagaimanapun dalam memastikan kejayaan institusi ini, peranan kedua-dua belah pihak iaitu suami dan isteri adalah sama penting dan saling melengkapi untuk mencapai keharmonian dan kesejahteraan keluarga.”

# INSTITUSI KELUARGA



## 2.1 Tanggungjawab Suami

Tanggungjawab ialah kewajipan yang mesti ditunaikan sebagai amanah yang telah ditentukan oleh hukum syarak dan akan diberikan pahala bagi yang melaksanakannya dan akan dihukum berdosa sekiranya tidak ditunaikan dengan sengaja. Tanggungjawab seorang suami dalam perkahwinan adalah sangat penting untuk memastikan keharmonian dan kebahagiaan keluarga. Berikut merupakan tanggungjawab suami :



a

**Memberi Nafkah**



b

**Memimpin Keluarga**



c

**Memberikan Layanan Yang Baik**



d

**Adil**



e

**Membantu Isteri**



## a. Memberi Nafkah



Sebagai seorang pemimpin dalam keluarga, tanggungjawab utama suami ialah memberikan nafkah. Secara umumnya nafkah terbahagi kepada dua iaitu :

(i) Nafkah Zahir

(ii) Nafkah Batin

## (i) Nafkah Zahir

Nafkah zahir terdiri daripada keperluan asasi manusia seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal dan wajib diberikan ke atas isteri sama ada isteri berkemampuan atau sebaliknya. Suami haruslah berusaha untuk menyediakan nafkah zahir daripada sumber yang halal dan mengikut kepada kemampuan. Rasulullah SAW menyatakan bahawa harta yang paling baik dinafkahkan ialah kepada ahli keluarga. Daripada Tsauban RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَفْضَلُ دِينَارٍ يُنْفَقُهُ الرَّجُلُ دِينَارٍ يُنْفَقُهُ عَلَى عِيَالِهِ  
وَدِينَارٍ يُنْفَقُهُ الرَّجُلُ عَلَى دَابَّتِهِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ  
وَدِينَارٍ يُنْفَقُهُ عَلَى أَصْحَابِهِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

Maksudnya: *Sebaik-baik dinar (wang atau harta) yang dinafkahkan seseorang ialah dinar yang dinafkahkan untuk keluarganya, dan dinar yang dinafkahkan untuk ternakan tunggangannya (kenderaan) yang digunakan di jalan Allah dan dinar yang dinafkahkan untuk para sahabatnya yang berjuang di jalan Allah.*



## (ii) Nafkah Batin

Nafkah batin pula ialah memberikan layanan yang baik dengan penuh mesra dan kasih sayang terhadap isteri serta ahli keluarga. Ia juga meliputi memenuhi keperluan batin isteri, memberi perhatian, perlindungan dan menjaga maruah isteri.

<https://tinyurl.com/tanggungjawabbersama>




## b. Memimpin Keluarga



Menjadi tanggungjawab suami untuk memimpin isteri ke jalan yang diredhai Allah. Suami mempunyai kuasa mendidik isteri melalui nasihat dan pengajaran yang baik. Suami hendaklah menegur kesilapan dan memperbetulkan kesalahan isteri dengan kasih sayang dan belas kasihan. Suami adalah ketua keluarga dan bertanggungjawab memimpin isteri dan anak-anak ke arah kebaikan. Ini termasuk membuat keputusan yang bijak demi kebaikan keluarga.

Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud: “Berilah pengajaran yang baik kepada kaum wanita, kerana kaum wanita dijadikan daripada tulang rusuk. Adapun tulang rusuk yang paling bengkok ialah tulang rusuk yang paling atas, yang apabila engkau luruskan ia akan patah dan apabila engkau biarkan ia tetap bengkok. Oleh itu berilah pengajaran kepada kaum wanita dengan cara yang baik.”

(HR Bukhari & Muslim).





### c. Memberikan Layanan Yang Baik



Sebagai seorang suami, tanggungjawab dalam rumah tangga ialah memberikan layanan yang baik. Ini termasuk bergurau senda, prihatin, bercakap dengan lemah lembut serta bersabar dengan tingkah laku isteri dan ahli keluarga yang tidak menyenangkan hati. Hal ini dijelaskan sebagaimana dalam firman Allah dalam surah an-Nisa ayat 19 :

وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۚ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰ  
أَنْ تَكْرَهُنَّ شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا ۙ ۱۹

Maksudnya: *Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu).*

## d. Adil



Salah satu tanggungjawab suami ialah berlaku adil kerana isteri itu adalah amanah Allah yang diserahkan kepada suami.

Jika seseorang lelaki itu mengahwini lebih daripada seorang isteri, bermakna suami itu perlulah bersikap adil terhadap semua isterinya.

Suami hendaklah memenuhi keperluan isteri-isterinya tanpa melebih-lebihkan salah seorang daripada mereka.

Suami perlulah mengatur jadual bermalam yang adil supaya tidak berlaku perbalahan sesama isteri dan juga si suami yang akan menghalang pembentukan keluarga bahagia.

## e. Membantu Isteri



Suami bertanggungjawab dalam semua kerja-kerja rumah tangga dengan mencontohi Rasulullah SAW, sebagaimana sabdanya yang diriwayatkan oleh At-Tabarani daripada Aisyah r.a. apabila beliau ditanya, apakah yang dibuat oleh Rasulullah SAW ketika baginda berada di rumahnya. Aisyah menjawab : *“Rasulullah berbuat seperti yang kamu lakukan, mengangkat yang ini, meletakkan yang itu dan sentiasa menolong isterinya memotong daging, menyapu rumah dan menolong pembantu dalam kerja-kerja rumah”*.

<https://tinyurl.com/tanggungjawabsuami>



## 2.2 Tanggungjawab Isteri

Tanggungjawab seorang isteri dalam perkahwinan adalah sama penting dengan peranan suami untuk memastikan keharmonian dan kebahagiaan dalam rumah tangga. Berikut adalah beberapa tanggungjawab utama seorang isteri :



## a. Taat kepada Suami Dalam Hal Yang Tidak Melanggar Syariat

Tanggungjawab utama seorang isteri ialah taat dan patuh kepada suaminya. Kesetiaan isteri kepada suaminya perlu diutamakan terlebih dahulu lebih daripada keluarga terdekatnya sendiri. Sabda Rasulullah SAW :

لَوْ كُنْتُ أَمْرًا أَحَدًا أَنْ يَسْجُدَ لِأَحَدٍ لَأَمَرْتُ الْمَرْأَةَ أَنْ تَسْجُدَ لِزَوْجِهَا

Maksudnya: "Seandainya aku boleh memerintahkan seseorang untuk sujud kepada orang lain, nescaya aku perintahkan isteri untuk sujud kepada suaminya." (HR Tirmizi).

Isteri hendaklah mematuhi perintah suami mengenai perkara-perkara yang tidak bertentangan dengan syarak. Ketaatan seorang isteri akan terhenti sekiranya bertentangan dengan hukum Islam. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :

*"Tidak boleh mentaati makhluk dalam perkara menderhaka kepada Allah SWT".(HR Ahmad)*

Setelah berkahwin, suami mempunyai hak ke atas isteri. oleh sebab itu, jika isteri ingin keluar rumah atau berpuasa sunat, ia hendaklah meminta izin daripada suami. Larangan berpuasa tanpa keizinan suami ini diwujudkan kerana dikhuairi isteri tidak dapat melayan kemahuan si suami dengan baik. Oleh sebab itu, meminta izin adalah sangat penting.

## b. Menjaga Kehormatan Diri Dan Suami

Isteri perlu menjaga nama baik suami, tidak memburukkan atau merendahkan suami di hadapan orang lain, baik secara langsung mahupun tidak langsung.

Isteri juga bertanggungjawab menjaga rahsia rumah tangga dan tidak mendedahkan masalah peribadi suami atau keluarga kepada orang luar tanpa keperluan. Ini juga termasuk menjaga maruah dirinya dan maruah suami dengan berpakaian sopan, menjaga adab, menjaga pergaulan, dan mengelakkan daripada melakukan perkara yang boleh menjatuhkan maruah keluarga. Sabda Nabi SAW :

أَلَا أُخْبِرُكَ بِخَيْرِ مَا يَكْنِزُ الْمَرْءُ؟ الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ: إِذَا نَظَرَ إِلَيْهَا سَرَّتَهُ، وَإِذَا  
أَمَرَهَا أَطَاعَتْهُ، وَإِذَا غَابَ عَنْهَا حَفِظَتْهُ

Maksudnya: "Hendakkah kamu aku beritahukan tentang sebaik-baik harta seorang lelaki adalah wanita yang solehah. Apabila dia melihat kepadanya, dia akan menggemirakan, apabila dia memberi arahan kepadanya wanita itu taat, dan apabila dia tidak berada di sisinya, wanita itu menjaga maruah dirinya." (HR Abu Daud (1664).

### c. Mengurus Rumah Tangga

Salah satu tanggungjawab isteri adalah membantu mengurus rumah tangga dengan baik. Walaupun tugas ini dikongsi dengan suami, isteri mempunyai tanggungjawab besar dalam mengurus rumah tangga. Ini termasuk menjaga kebersihan rumah, menyediakan keperluan keluarga, dan mengurus anak-anak.

Ini berdasarkan hadis Nabi SAW:

كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ،  
وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ  
زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا

Maksudnya: "Kamu semua adalah pemimpin dan masing-masing daripada kamu akan ditanya (diminta pertanggung jawaban) atas apa yang dipimpinnya. Seorang ketua adalah pemimpin dan bertanggungjawab atas apa yang dipimpinnya. Seorang lelaki adalah pemimpin keluarganya. Seorang isteri adalah pemimpin (pengurus) bagi rumah suaminya serta anaknya. Oleh kerana masing-masing daripada kamu adalah pemimpin dan masing-masing daripada kamu diminta bertanggungjawab tentang apa yang dipimpinnya". (HR Riwayat al-Bukhari (893))

#### d. Pendorong Dan Memberi Motivasi

Tanggungjawab isteri sebagai pendorong dan pemberi motivasi sangat penting dalam membina keharmonian rumah tangga dan seterusnya dapat membantu suami dalam mencapai kejayaan dalam kehidupan. Isteri perlu menjadi penyokong moral dan emosi kepada suami, terutamanya ketika suami menghadapi cabaran dalam kehidupan. Di sebabkan inilah hubungan suami isteri diertikan sebagai teman hidup.

#### e. Menyenangkan Hati Suami

Apabila suami memberikan pemberian dalam apa sahaja bentuk, adalah menjadi tanggungjawab isteri untuk menghargai pemberian suami itu. Isteri tidak boleh meminta hadiah daripada suami yang melebihi daripada kemampuannya. Seorang isteri perlu berhias untuk suami dengan cara yang dibenarkan dalam Islam seperti memakai solekan yang sewajarnya agar suami tertarik hati melihatnya.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abi Umamah R.A, Nabi SAW menyebut:

مَا اسْتَفَادَ الْمُؤْمِنُ بَعْدَ تَقْوَى اللَّهِ خَيْرًا لَهُ مِنْ زَوْجَةٍ صَالِحَةٍ ، إِنَّ أَمْرَهَا أَطَاعَتْهُ ، وَإِنْ نَظَرَ إِلَيْهَا سَرَّتُّهُ ، وَإِنْ أَقْسَمَ عَلَيْهَا أَبْرَّتُّهُ ، وَإِنْ غَابَ عَنْهَا نَصَحَتْهُ فِي نَفْسِهَا وَمَالِهِ

Maksudnya: “Seseorang lelaki yang beriman itu tidak akan mendapat manfaat dan faedah – selepas takwanya kepada Allah SWT – lebih daripada isteri yang solehah. Jika disuruh oleh suami, dia taat, jika suaminya melihat kepadanya, dia menyenangkannya. Jika bersumpah, nescaya dia dapat membuktikannya dan jika ditinggalkan oleh suaminya, dia menjaga diri dan menjaga hartanya.”. (HR Ibn Majah (1857).




<https://tinyurl.com/tanggungjawabisteri>



## 2.3 Tanggungjawab Bersama Suami Isteri

Dalam membina rumah tangga, kesepaduan antara dua belah pihak iaitu suami dan isteri, adalah amat penting. Tanggungjawab bersama suami dan isteri adalah kunci untuk memastikan rumah tangga yang bahagia, harmoni, dan seimbang. Kerjasama yang baik antara suami dan isteri dalam pelbagai aspek kehidupan akan memupuk hubungan yang kukuh serta mewujudkan persekitaran yang sihat untuk perkembangan keluarga, terutama anak-anak. Kedua pihak perlulah menjalankan tanggungjawab masing-masing bagi memastikan perkahwinan yang dibina bahagia dan kekal hingga ke akhir hayat. Berikut adalah tanggungjawab bersama suami dan isteri :





### **a. Amanah**

Tanggungjawab suami isteri adalah memegang amanah untuk memelihara maruah dan nama baik pasangan serta keluarga masing-masing.

### **b. Mendidik Anak-Anak**



Tugas mendidik anak-anak merupakan tanggungjawab bersama kerana anak-anak merupakan amanah Allah. Mendidik anak-anak dengan sempurna dalam Islam bukan sahaja setakat memberi makan minum, tetapi lebih daripada itu iaitu memberi pendidikan kepada mereka terutamanya ilmu berkaitan fardu ain di samping ilmu fardu kifayah. Hal ini termasuklah dalam tugas menghantar anak-anak ke sekolah, merancang aktiviti dan memberikan sokongan emosi.



### **c. Bertolak Ansur Dan Saling Memahami**

Suami isteri perlu sama-sama berusaha mewujudkan keharmonian dan kebahagiaan rumah tangga dengan cara bertolak ansur, saling memahami, sabar dan menggunakan pertimbangan akal yang bijak dalam membuat keputusan. Apabila berlakunya perbezaan pendapat, masing-masing perlu mendengar dan menghormati pandangan pasangan. Ini dapat membantu mengelakkan konflik dan menunjukkan bahawa kita menghargai pasangan. Dalam menjalankan tanggungjawab rumah tangga, bertolak ansur dalam pembahagian tugas adalah penting seperti memasak, membersihkan rumah, mengemas rumah dan sebagainya. Tugas ini hendaklah dilakukan tanpa rasa terbeban.



#### **d. Saling Mempercayai Dan Menghormati**

Sikap saling mempercayai amat penting dalam kehidupan berumah tangga. tanpa sikap tersebut, rasa ragu-ragu dan curiga antara satu sama lain akan timbul. Ini menyebabkan hubungan suami atau isteri menjadi dingin.



#### **e. Menghargai Pasangan**

Menghargai pasangan adalah asas kunci dalam membina hubungan yang bahagia. Pasangan perlu mengucapkan terima kasih atas usaha dan sokongan pasangan, walaupun untuk perkara yang kecil. Menghargai sumbangan pasangan dalam rumah tangga dapat memberi rasa dihargai dan disayangi.




#### **f. Mengurus Kewangan Dengan Bijak**

Suami dan isteri perlu bekerjasama dalam merancang kewangan keluarga. Mereka perlu berbincang mengenai perbelanjaan, simpanan, dan pelaburan bagi masa depan keluarga. Contohnya suami dan isteri berbincang untuk menyediakan bajet bulanan keluarga dan membuat keputusan bersama.

## 2.4 Tanggungjawab Ibu Bapa Terhadap Anak

Anak-anak merupakan rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada pasangan suami isteri. Mendidik anak-anak adalah tanggungjawab yang besar dan memerlukan kesabaran, kasih sayang, serta panduan yang baik. Pendidikan anak-anak yang baik membantu mereka membesar menjadi individu yang berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berjaya. Keharusan untuk memenuhi hak anak-anak pada perkara-perkara yang telah disyariatkan merupakan satu keperluan yang perlu dipenuhi mengikut kadar kemampuan ibu bapa. Berikut adalah beberapa cara yang boleh diambil dalam mendidik anak-anak:




a.

**Memberi  
Didikan  
Agama**



b.

**Menjadi  
Contoh  
Teladan**



c.

**Mengajar  
Nilai Akhlak  
Dan Adab**



d.

**Memberi  
Kasih  
Sayang Dan  
Perhatian**



e.

**Berlaku Adil  
Dan Tidak  
Pilih Kasih**



### **a. Memberi Didikan Agama**

Didikan agama adalah asas penting dalam membentuk akhlak dan keperibadian anak-anak. Ibu bapa bertanggung jawab untuk mendidik anak-anak tentang ajaran Islam, termasuk akidah, ibadah dan akhlak. Anak-anak perlu diajar tentang solat, membaca Al-Quran, puasa, dan nilai-nilai Islam sejak kecil.



### **b. Menjadi Contoh Teladan**

Anak-anak belajar melalui pemerhatian. Ibu bapa perlu menunjukkan tingkah laku yang baik dan memberi contoh yang boleh diikuti oleh anak-anak. Ibu bapa yang mengamalkan sifat hormat-menghormati, bercakap dengan baik, dan bertindak dengan sabar akan menjadi model yang positif untuk anak-anak.



### **c. Mengajar Nilai Akhlak Dan Adab**

Anak-anak perlu diajar tentang adab dalam kehidupan seharian, seperti menghormati orang lain, bercakap dengan sopan, dan membantu mereka yang memerlukan. Contohnya mengingatkan anak-anak untuk mengucapkan "terima kasih," "tolong," dan "maaf" apabila berinteraksi dengan orang lain, serta menghormati orang yang lebih tua.



#### **d. Memberi Kasih Sayang Dan Perhatian**

Anak-anak memerlukan kasih sayang dan perhatian dari ibu bapa untuk merasa dihargai dan disayangi. Ini juga akan membantu menguatkan ikatan emosi antara ibu bapa dan anak-anak. Ibu bapa perlu meluangkan masa untuk berbual dengan anak-anak, mendengar cerita mereka, dan memberi pujian atas usaha dan pencapaian mereka.



#### **e. Berlaku Adil Dan Tidak Pilih Kasih**

Sifat pilih kasih ibu bapa kepada anak-anak merupakan perkara yang dibenci dalam agama kerana perbuatan tersebut hanya akan mengundang kebencian sesama keluarga terutamanya dalam kalangan adik beradik. Setiap anak mempunyai hak masing-masing dan mereka berhak mendapatkannya daripada ibu bapa. Keadilan dan kesamarataan adalah suatu perkara yang dititik beratkan dalam Islam bagi memastikan kesejahteraan dalam keluarga. Ibu bapa perlu elakkan dari membandingkan anak-anak antara satu sama lain, kerana ini boleh menyebabkan rasa cemburu dan tidak puas hati.

<https://tinyurl.com/tanggungjawabibubapa>



<https://tinyurl.com/hakanak>





# Islam Menjaga **HAK SUAMI DAN ISTERI**



- Memberi **SARA HIDUP** kepada isteri (Makan, tempat tinggal)
- Memberi **NAFKAH** batin (Mengauli isteri dengan baik)
- **MENYARA** anak-anak
- **MELINDUNGI** isteri dan anak-anak (Dari segi keselamatan dan kesihatan)
- Melindungi **MARUAH KELUARGA** dan **HARTA BENDA**
- Sentiasa **MEMBIMBING ISTERI** menuju keredaan Allah
- Bertanggungjawab **MENDIDIK AKHLAK** anak-anak
- Menjadi **PENASIHAT** dalam menyelesaikan masalah



- Menjaga **KEHORMATAN** diri (Terutama ketika suami tiada di rumah)
- **PATUH** kepada suruhan suami (Selagi tidak melanggar syariat)
- Tumpukan sepenuh **KASIH SAYANG** kepada suami dan anak-anak
- Jaga **KEBERSIHAN** (Rumah tangga dan anak-anak)
- Jaga **AMANAH** dan harta suami
- Sentiasa **MENYIMPAN RAHSIA** pergaulan suami isteri
- **TIDAK MENINGGALKAN RUMAH** tanpa izin suami (Kecuali darurat)
- **BERHIAS** untuk tatapan suami sahaja

SUMBER: INDAHNYA HIDUP BERSYARIAT



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia - JAKIM



myjakim

## 2.5 Tanggungjawab Anak Terhadap Ibu Bapa Dan Keluarga

Tanggungjawab seorang anak terhadap ibu bapa dan keluarga adalah penting untuk membina hubungan yang kukuh serta menjaga keharmonian keluarga. Berikut adalah beberapa tanggungjawab utama berserta contoh:



**Mentaati  
Dan  
Menghormati  
Ibu Bapa**

**1**

**Menjaga  
Kebajikan Ibu  
Bapa**

**2**

**Menjadi  
Teladan Yang  
Baik Kepada  
Adik-beradik**

**3**

**Menyokong  
Keluarga  
Dalam Apa  
Jua Keadaan**

**4**

**Menjaga  
Hubungan  
Keluarga**

**5**

### **1. Mentaati Dan Menghormati Ibu Bapa**

Anak perlu mendengar nasihat ibu bapa serta menghormati mereka dalam segala aspek. Sebagai contoh, seorang anak perlu mendengar kata ibu bapa dalam hal pendidikan, cara hidup, dan perkara lain yang melibatkan kebaikan diri sendiri.

### **2. Menjaga Kebajikan Ibu Bapa**

Apabila ibu bapa semakin tua, anak-anak bertanggungjawab menjaga mereka sama ada dari segi kewangan, emosi atau fizikal. Sebagai contoh, anak boleh membantu dalam urusan kesihatan ibu bapa, membawa mereka ke hospital jika perlu, atau menyediakan persekitaran yang selesa di rumah.

### **3. Menjadi Teladan Yang Baik Kepada Adik-beradik**

Anak yang sulung atau lebih tua bertanggungjawab menunjukkan contoh yang baik kepada adik-beradik lain. Contohnya, seorang anak yang berjaya dalam pendidikan dapat memberi motivasi kepada adik-adik untuk berusaha lebih gigih.

#### 4. Menyokong Keluarga Dalam Apa Jua Keadaan

Anak juga perlu sentiasa berada bersama keluarga, terutamanya dalam keadaan susah. Sebagai contoh, apabila keluarga menghadapi masalah kewangan, anak boleh membantu dengan mencari pekerjaan sampingan atau membantu dengan perbelanjaan rumah.

#### 5. Menjaga Hubungan Keluarga

Memastikan hubungan antara ahli keluarga kekal harmoni adalah tanggungjawab bersama. Contohnya, anak boleh memainkan peranan sebagai pendamai jika berlaku perselisihan antara ibu bapa atau adik-beradik.

<https://tinyurl.com/hakibudanbapa>



# 3.0

## CABARAN DALAM INSTITUSI KELUARGA

Three horizontal bars of varying lengths and colors (gold and green) are positioned below the title.

# 3.0 CABARAN DALAM INSTITUSI KELUARGA

## 3.1 Permasalahan Dalam Institusi Keluarga

Institusi keluarga dalam Islam memainkan peranan penting dalam membentuk masyarakat yang sejahtera dan harmoni. Namun, terdapat beberapa permasalahan yang sering berlaku dalam institusi keluarga Islam, seperti berikut:

1. Krisis Komunikasi
2. Pencerobohan Teknologi Dalam Kehidupan Keluarga
3. Peranan Dan Tanggungjawab Yang Tidak Jelas
4. Perceraian Dan Kesan Terhadap Anak-Anak
5. Tekanan Ekonomi
6. Perbezaan Gaya Keibubapaan
7. Pengaruh Budaya Luar
8. Kurangnya Pendidikan Agama

### **1. Krisis Komunikasi**

Banyak keluarga menghadapi masalah komunikasi antara ahli keluarga, terutama antara ibu bapa dan anak-anak.

Kekurangan komunikasi terbuka dan jujur boleh menyebabkan salah faham dan pertikaian. Sebagai contoh, ibu bapa mungkin sukar memahami keperluan emosi anak-anak atau sebaliknya, anak-anak kurang menghormati pandangan ibu bapa.

### **2. Pencerobohan Teknologi Dalam Kehidupan Keluarga**

Penggunaan telefon pintar, media sosial, dan teknologi lain boleh mengganggu interaksi harian antara ahli keluarga. Keluarga yang sepatutnya meluangkan masa bersama sering terpisah oleh penggunaan teknologi yang berlebihan, menyebabkan perasaan terasing dan hubungan yang longgar antara ahli keluarga.

### **3. Peranan dan Tanggungjawab Yang Tidak Jelas**

Dalam sesetengah keluarga, peranan ibu, bapa, dan anak-anak tidak ditentukan dengan jelas, mengakibatkan kekeliruan dan konflik. Sebagai contoh, peranan tradisional suami sebagai ketua keluarga dan isteri sebagai pengurus rumah tangga mungkin dipersoalkan dalam konteks moden, menyebabkan ketegangan dalam pembahagian tugas.

### **4. Perceraian Dan Kesan Terhadap Anak-Anak**

Peningkatan kadar perceraian menjadi salah satu cabaran besar dalam institusi keluarga Islam. Perceraian boleh menyebabkan trauma emosi kepada anak-anak, mengakibatkan mereka merasa terabai atau keliru mengenai peranan ibu bapa dalam hidup mereka. Selain itu, proses perceraian yang melibatkan perselisihan sering memberi kesan buruk kepada kesejahteraan keluarga secara keseluruhan.



### **5. Tekanan Ekonomi**

Tekanan ekonomi sering memberi kesan besar kepada keharmonian keluarga. Ketidakstabilan kewangan boleh menyebabkan pertengkaran antara suami isteri, dan juga menjejaskan kesejahteraan anak-anak. Keluarga yang hidup dalam keadaan kekurangan sering menghadapi tekanan tambahan dalam menyediakan keperluan asas seperti pendidikan dan penjagaan kesihatan.

### **6. Perbezaan Gaya Keibubapaan**

Perbezaan dalam gaya keibubapaan antara suami dan isteri juga boleh menimbulkan konflik. Contohnya, seorang ibu mungkin lebih bersifat tegas dalam mendidik anak, manakala ayah lebih bersikap lemah-lembut. Ini boleh menyebabkan anak-anak menjadi keliru tentang disiplin dan menyebabkan ketegangan antara pasangan.



### **7. Pengaruh Budaya Luar**

Dalam era globalisasi, budaya luar yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam boleh mempengaruhi gaya hidup dan pemikiran anak-anak. Sebagai contoh, norma-norma Barat yang menekankan kebebasan individu kadang-kadang bertentangan dengan nilai Islam yang lebih kolektif dan tradisional, menyebabkan perbezaan pandangan antara generasi tua dan muda.



### **8. Kurangnya Pendidikan Agama**

Keluarga yang tidak memberi perhatian yang mencukupi kepada pendidikan agama sering kali menghadapi masalah dalam membentuk anak-anak yang berakhlak mulia. Kurangnya penekanan terhadap ajaran Islam, seperti solat, akhlak mulia, dan adab dalam keluarga, boleh menyebabkan anak-anak terdedah kepada pengaruh negatif dari luar.

### 3.2 Punca Berlaku Permasalahan Institusi Keluarga

Permasalahan dalam institusi keluarga boleh berpunca daripada pelbagai faktor, yang seringkali saling berkait dan mempengaruhi satu sama lain. Berikut adalah beberapa punca utama yang sering menjadi penyebab kepada masalah dalam institusi keluarga, beserta contoh:

- 1 **Krisis Ekonomi**
- 2 **Kurangnya Komunikasi**
- 3 **Pengaruh Teknologi Dan Media Sosial**
- 4 **4. Tekanan Kerja**
- 5 **Perbezaan Gaya Keibubapaan**
- 6 **Kurangnya Nilai-Nilai Agama Dan Moral**
- 7 **Masalah Kesihatan Mental**
- 8 **Perceraian Dan Keluarga Tunggal**
- 9 **Perkahwinan Usia Muda Atau Tanpa Persediaan**
- 10 **Pengaruh Budaya Dan Persekitaran Luar**



### 1. Krisis Ekonomi

Tekanan kewangan adalah salah satu punca utama masalah dalam keluarga. Apabila keluarga menghadapi masalah ekonomi, ia boleh menimbulkan ketegangan antara suami isteri serta memberi kesan kepada hubungan dengan anak-anak.

#### Contoh:

Seorang suami yang hilang pekerjaan mungkin berasa tertekan kerana tidak dapat menanggung keluarga, menyebabkan pertengkaran dengan isteri tentang perbelanjaan harian dan pendidikan anak-anak.

<https://tinyurl.com/masalahkewangan>



## 2. Kurangnya Komunikasi

Keluarga yang tidak berkomunikasi dengan baik sering kali menghadapi konflik dan salah faham. Kekurangan komunikasi boleh menyebabkan masalah kecil membesar dan menimbulkan perasaan tidak puas hati.



### Contoh:

Seorang anak remaja yang merasa tertekan di sekolah mungkin tidak berkongsi masalahnya dengan ibu bapa kerana merasa tidak difahami. Ini boleh menyebabkan anak tersebut memberontak, menimbulkan jurang dalam hubungan keluarga.



## 3. Pengaruh Teknologi Dan Media Sosial

Penggunaan teknologi yang berlebihan, seperti telefon pintar dan media sosial, boleh mengurangkan masa berkualiti antara ahli keluarga dan menggantikan interaksi peribadi yang penting untuk mengukuhkan hubungan kekeluargaan.

### Contoh:

Ibu bapa yang terlalu sibuk dengan telefon pintar mereka mungkin kurang memberi perhatian kepada anak-anak, yang menyebabkan anak-anak merasa diabaikan dan mencari perhatian di luar rumah, termasuk daripada rakan sebaya yang mungkin memberi pengaruh negatif.

#### 4. Tekanan Kerja

Beban kerja yang terlalu berat boleh menyebabkan kurangnya masa dan perhatian yang diberikan kepada keluarga, terutama antara suami isteri. Ini boleh menyebabkan keletihan fizikal dan emosi, lalu mengakibatkan hubungan menjadi renggang.



#### Contoh:

Seorang bapa yang selalu pulang lewat kerana komitmen kerja mungkin jarang meluangkan masa dengan isteri dan anak-anak, menyebabkan isteri merasa terabai dan anak-anak kurang mendapat perhatian yang sewajarnya.



### 5. Perbezaan Gaya Keibubapaan

Apabila suami isteri mempunyai pendekatan yang berbeza dalam mendidik anak-anak, ia boleh menimbulkan ketegangan. Perbezaan ini, jika tidak diatasi dengan baik, boleh mengakibatkan anak-anak menjadi keliru tentang disiplin dan peraturan dalam keluarga.

#### Contoh:

Seorang ibu yang tegas dalam mendidik anak mungkin sering bertentangan dengan suami yang lebih lembut dan permisif, menyebabkan anak-anak bingung dan cenderung mengambil kesempatan daripada ketidaksepakatan ibu bapa.

<https://tinyurl.com/gayakeibubapaan>



## 6. Kurangnya Nilai-Nilai Agama Dan Moral

Keluarga yang kurang menekankan pendidikan agama dan nilai-nilai moral mungkin menghadapi masalah dalam membentuk anak-anak yang berakhlak mulia. Kurangnya bimbingan agama boleh menyebabkan anak-anak terdedah kepada pengaruh negatif dari luar.



### Contoh:

Anak-anak yang tidak diajar tentang nilai-nilai Islam, seperti hormat kepada ibu bapa dan tanggungjawab keluarga, mungkin cenderung terlibat dalam tingkah laku yang tidak bermoral seperti pergaulan bebas dan penyalahgunaan dadah.



## 7. Masalah Kesihatan Mental

Kesihatan mental yang terganggu, seperti tekanan, kebimbangan, atau kemurungan, boleh menjejaskan kesejahteraan keluarga. Masalah ini sering tidak disedari atau tidak diberi perhatian yang sewajarnya sehingga ia mula mempengaruhi hubungan keluarga.

### Contoh:

Seorang ibu yang mengalami kemurungan selepas melahirkan mungkin sukar menjalankan tanggungjawab sebagai ibu, menyebabkan suami dan anak-anak merasa terabai, yang akhirnya membawa kepada konflik rumah tangga.



## 8. Perceraian Dan Keluarga Tunggal

Perceraian atau kematian pasangan boleh memberi kesan besar kepada struktur dan kestabilan keluarga. Anak-anak yang dibesarkan dalam keluarga tunggal mungkin mengalami kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan keadaan baru, terutama dari segi sokongan emosi dan kewangan.



### Contoh:

Seorang ibu tunggal yang bekerja keras untuk menyara keluarga mungkin kurang masa untuk memantau tingkah laku anak-anaknya, menyebabkan mereka terlibat dalam masalah sosial seperti ponteng sekolah atau terlibat dengan kumpulan nakal.



## 9. Perkahwinan Usia Muda Atau Tanpa Persediaan

Pasangan yang berkahwin pada usia muda atau tanpa persediaan mental dan emosi yang cukup sering menghadapi masalah dalam menguruskan kehidupan berkeluarga. Ini termasuk masalah dalam menguruskan kewangan, membesarkan anak, atau mengekalkan keharmonian rumah tangga.

### Contoh:

Pasangan muda yang berkahwin selepas tamat sekolah mungkin menghadapi masalah kewangan kerana tiada pekerjaan tetap, selain kurang matang dalam menangani konflik, yang boleh menyebabkan perceraian awal.

## 10. Pengaruh Budaya Dan Persekitaran Luar

Budaya luar dan persekitaran yang tidak selaras dengan nilai-nilai Islam boleh mempengaruhi ahli keluarga, terutamanya anak-anak. Ini boleh menimbulkan perbezaan pendapat antara ibu bapa dan anak-anak mengenai gaya hidup, pilihan kerjaya, atau pergaulan sosial.




### Contoh:

Anak-anak yang terlalu terdedah kepada budaya Barat melalui media mungkin mengutamakan nilai kebebasan individu yang bertentangan dengan norma-norma keluarga tradisional, menyebabkan ketegangan antara generasi dalam keluarga.

### 3.3 Kesan Permasalahan Dalam Institusi Keluarga

a.  
Perceraian / Pembubaran  
Perkahwinan


b.  
Penderaan  
Anak



c.  
Keganasan  
Rumah Tangga

d.  
Masalah  
Remaja  
Dan  
Juvana

e.  
Masalah  
Disiplin



### **a. Perceraian / Pembubaran Perkahwinan**



Berlaku akibat tekanan yang dialami oleh individu sehingga menamatkan suatu ikatan perkahwinan yang sah. Antara jenis pembubaran ikatan perkahwinan adalah perceraian dengan lafaz talak, pengesahan lafaz talak, fasakh, cerai taklik dan khuluk atau tebus talak.

---


### **b. Penderaan Anak**



Penderaan anak boleh terjadi kepada penderaan fizikal, penderaan seksual, penderaan emosi dan pengabaian. Ibu bapa yang mengalami gangguan emosi adalah salah satu punca yang membawa kepada tekanan (stress) sehingga melakukan tindakan melulu dengan melepaskan kemarahan kepada anak-anak.

---

### **c. Keganasan Rumah Tangga**



Keganasan rumah tangga adalah satu perbuatan penderaan oleh seorang ahli keluarga terhadap ahli keluarga lain. Keganasan rumah tangga boleh berlaku melalui penderaan seksual dan fizikal yang dilakukan oleh suami kepada isteri dan anak-anak seperti perbuatan menyepak, menampar, memukul, menggunakan objek keras dan sebagainya.

---

#### d. Masalah Remaja Dan Juvana



Masalah remaja terjadi akibat daripada konflik dalam keluarga sehingga memberi kesan negatif yang menjurus kepada jenayah remaja seperti lari dari rumah, seks bebas, lumba haram, hamil luar nikah, pembuangan bayi, sumbang mahram dan kes jenayah berat yang lain.



<https://tinyurl.com/kegagalaninstitusikeluarga>



#### e. Masalah Disiplin



Permasalahan dalam institusi keluarga juga memberi kesan yang negatif kepada anggota keluarga. Masalah disiplin ini membawa kepada institusi pendidikan seperti anak atau pelajar terlibat dalam pemilikan dadah, mencuri, berjudi, merosak harta benda sekolah, memeras ugut, minum minuman keras dan sebagainya.

### 3.4 Cara Mengatasi Permasalahan Institusi Keluarga



- a. Komunikasi Berkesan
- b. Penghayatan Agama Islam
- c. Mendapatkan Pertolongan Orang Tengah
- d. Program Pemantapan Institusi Keluarga



### a. Komunikasi Berkesan

Penyelesaian konflik keluarga yang berkesan adalah dengan komunikasi. Aspek komunikasi dapat mencapai dan membentuk sebuah keluarga yang sakinah, mawaddah dan rahmah. Komunikasi yang berkesan menjadi landasan bagi perkongsian pendapat, luahan perasaan, mengurangkan perselisihan dan mencari penyelesaian yang baik.

### b. Penghayatan Agama Islam

Konflik dan permasalahan yang berlaku diatasi dengan kembali kepada cara hidup beragama dengan mendalami ilmu fardu ain secara berterusan dan terpandu. Melalui ilmu dan ketaatan kepada segala perintah syariat akan menghasilkan kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat. Contoh Solat berjemaah, puasa, membaca al-quran, menutup aurat dan menghadiri majlis ilmu.

### c. Mendapatkan Pertolongan Orang Tengah

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَأَبْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَبِيرًا ۝ ٣٥

Maksudnya: *Dan jika bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantikan orang tengah untuk mendamaikan mereka iaitu seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan, jika orang tengah itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan nescaya Allah akan menjadikan kedua suami isteri itu berpakat iaitu sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui lagi di dalam pengetahuannya". (Surah An-Nisa' : 35)*

- ✓ Pejabat kadi – berperanan dalam memberikan jalan penyelesaian yang memuaskan kedua belah pihak
- ✓ Kaunselor – memberikan kaunseling keluarga dan mengenalpasti punca ketegangan yang berlaku antara kedua belah pihak
- ✓ Pegawai Sulh – melalui kaedah sulh yang berperanan untuk mengenalpasti punca pertikaian dan memastikan kedua belah pihak mendapat persetujuan pada pertikaian yang berlaku tanpa melalui mahkamah
- ✓ Jawatankuasa Pendamai – jawatankuasa yang ditubuhkan oleh mahkamah yang terdiri daripada pegawai agama dan 2 orang saudara karib kedua belah pihak untuk mencapai persetujuan dan persefahaman yang adil
- ✓ Hakam – individu yang dilantik oleh mahkamah untuk menyelesaikan pertikaian yang berlaku antara suami isteri.
- ✓ Runding cara – kaedah yang dilakukan oleh peguam syarie atau pegawai runding cara di Jabatan Agama Islam bagi membantu menyelesaikan masalah dan konflik rumah tangga.



<https://tinyurl.com/jawatankuasapendamaidanhakam>





#### d. Program Pemantapan Institusi Keluarga


Menyertai program-program yang menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan insitusi keluarga selari dengan tuntutan syariat. Secara tidak langsung, program-program ini dapat mendidik diri dan ahli keluarga mengenai isu-isu tertentu seperti pengurusan konflik, komunikasi berkesan, dan kemahiran hidup dengan baik.

##### Contoh :

Program Pendidikan melalui media elektronik, Program Pendidikan Agama, Program Perniagaan Komuniti, Program Kaunseling, Lawatan ke lokasi kekeluargaan



### 3.5 Tindakan Terhadap Pengabaian Tanggungjawab Dan Hak Dalam Institusi Keluarga



Pengabaian tanggungjawab dan hak dalam institusi keluarga boleh terjadi dalam dua keadaan sama ada pengabaian dari pihak suami kepada isteri dan pengabaian dari bapa terhadap anak-anak.

Pengabaian ini merangkumi keingkaran pembayaran nafkah oleh suami / bapa terhadap isteri mahupun anak-anaknya. Menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, menjadi kewajipan ketua keluarga untuk menanggung nafkah isteri dan anak. Keingkaran tersebut boleh dituntut di Mahkamah Syariah.

Tindakan yang boleh dilakukan terhadap pengabaian tanggungjawab dan hak dalam institusi keluarga adalah :

1

Pengantaraan  
/ Mediasi

2

Sulh

3

Bahagian  
Sokongan  
Keluarga



## 1. Pengantaraan / Mediasi

Pengantaraan / Mediasi ialah proses di antara pihak-pihak yang bertikai menyelesaikan pertikaian mereka secara sukarela dan damai dengan bantuan seorang pengantara di Jabatan Bantuan Guaman (JBG).



<https://tinyurl.com/pengantaraan>



## 2. Sulh

Pelaksanaan Sulh merupakan suatu proses untuk membantu menyelesaikan pertikaian antara dua pihak dalam suatu majlis perundingan dipimpin secara rasmi. Proses ini dikendalikan di Mahkamah Syariah dan akan diendorskan di hadapan hakim sebagai suatu penghakiman.



<https://tinyurl.com/pengendalianmajlissulh>



### 3. Bahagian Sokongan Keluarga

Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) merupakan satu bahagian yang ditubuhkan di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia yang bertujuan untuk menguatkuasakan perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. Terdapat tiga unit utama di BSK iaitu:

#### i. Unit Khidmat Nasihat Dan Perundangan

Unit Khidmat Nasihat dan Perundangan berperanan untuk memberikan panduan berkenaan hak dan tanggungjawab di bawah undang-undang Syariah merangkumi proses mahkamah dan dokumen yang diperlukan.

#### ii. Unit Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah

Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah berperanan dalam memastikan bahawa keputusan mahkamah dan perintah yang diputuskan dilaksanakan dengan teratur tanpa berlakunya keingkaran dan pengangguhan yang terlalu lama.

#### iii. Unit Pengurusan Dana

Unit Pengurusan Dana berperanan untuk melaksanakan pembayaran pendahuluan nafkah sementara kepada pihak pengadu yang memerlukan. Pendahuluan bayaran ini dianggap sebagai hutang dan akan dikutip semula daripada bapa/suami yang gagal dan cuai menyediakan nafkah setelah penguatkuasaan dilaksanakan.

Uji Minda : <https://tinyurl.com/edpuzzleBSK>



# 4.0

# TINTA SOAL JAWAB

Three horizontal bars in a golden-yellow color, stacked vertically and slightly offset from each other, positioned below the main title.



# 4.0 TINTA SOAL JAWAB

Isu 1



<https://tinyurl.com/penentuankadarnafkah>



## Isu 1



Dalam dunia sekarang yang mana kebanyakan isteri memiliki pendapatan yang lebih tinggi dari suami, bagaimanakah pelaksanaan pemberian nafkah yang selayaknya? Jelas maklum bahawa nafkah ialah hak isteri dan tanggungjawab suami tetapi bagaimana suatu hak si isteri perlu berdasarkan kemampuan suami? Bukankah suatu hak itu perlu memenuhi keperluan si isteri iaitu penerima nafkah itu sendiri? Persoalan ini timbul bilamana banyak kes cerai berlaku kerana isu nafkah. Makna kata, walaupun sudah dikatakan terlaksana oleh si suami, namun bagi isteri hak tersebut belum terlunas sepenuhnya maka berlakulah penceraian. Persoalan saya, sekiranya nafkah itu adalah hak isteri, mengapa pelaksanaannya mengikut kemampuan suami dan bukan mengikut kebiasaan kehendak dan keperluan isteri?

## Ringkasan Jawapan

- i. Nafkah mestilah dititikberatkan oleh pasangan suami isteri kerana ia merupakan kewajipan suami yang tidak akan gugur walaupun isteri seorang yang kaya selagi mana isteri tidak nusyuz.
- ii. Penentuan nafkah mengambil kira juga keperluan isteri namun tetap tertakluk kepada kemampuan suami kerana ia merupakan tanggungjawab yang diwajibkan oleh syarak ke atas suami dan syarak tidak akan bebaskan seseorang dengan kewajipan di luar kemampuannya.
- iii. Para suami dan isteri dinasihatkan untuk bertoleransi antara pasangan tanpa mengabaikan kewajipan dan hak masing-masing di samping mendalami ilmu agama khususnya bab pengurusan rumah tangga.

X O I

## Isu 2



<https://tinyurl.com/manaperludidahulukan>



## Isu 2



Situasi saya, ayah meminta anaknya mendengar arahan beliau, sedangkan anaknya sudah bersuami yang perlu dijaga hati dan meminta izin. Siapa yang perlu saya ikut? Ayah kata biar putus dengan suami jangan dengan mak bapak. Macam mana hukumnya dan mana perlu dipilih?

## Ringkasan Jawapan

Seorang wanita yang telah berkahwin wajib mentaati suaminya tanpa membelakangkan ibu dan bapanya. Namun jika dia terpaksa memilih antara ketaatan kepada suami atau ibu dan bapa maka dia wajib mendahulukan suaminya selagi mana arahan suami tidak mendatangkan kemudaran kepada ibu dan bapa.

Jika arahan tersebut boleh mendatangkan kemudaran kepada ibu dan bapa seperti isteri tidak dibenarkan untuk memberi bantuan kewangan kepada ibu dan bapanya yang miskin dalam keadaan dia mampu atau tidak dibenarkan untuk menjaga ibu dan bapa yang sakit kritikal sedangkan tiada orang lain yang boleh menggantikannya maka dalam keadaan ini isteri boleh untuk tidak mentaati suaminya.

XOX

### Isu 3



<https://tinyurl.com/wajibnafkah>



### Isu 3



Selalu disebut dalam media sosial tentang seorang suami wajib menyatakan belanja nafkah secara khusus. Persoalannya, adakah wajib nafkah kepada isteri perlu dinyatakan bahawa ia adalah nafkah. Sebagai contoh “Saya beri RM200 untuk nafkah dan RM500 untuk barang dapur”.

### Ringkasan Jawapan

Kewajipan seorang suami memberi nafkah kepada isteri dengan menyediakan nafkah asas secara umum seperti makanan, alat kebersihan diri dan seumpamanya mengikut kemampuannya tanpa perlu menyatakan secara khusus.

Suami juga tidak wajib untuk memberi wang, ini kerana nafkah yang wajib hanyalah nafkah keperluan asas yang disenaraikan oleh ulama iaitu makanan, lauk-pauk, pakaian, alat mandian, perkakas rumah, tempat tinggal dan pembantu rumah bagi isteri yang biasa memiliki pembantu.

## Isu 4



<https://tinyurl.com/berdosakahsuami>



## Isu 4

Berdosa kah suami tak bagi nafkah pada isteri? Cerita nya begini. Gaji suami hanya cukup bayar hutang rumah dan kereta suami ingin menjual kereta tetapi isteri berkeras tidak bagi jual. Bagaimana hendak selesaikan masalah ini. Adakah suami patut jual kereta tu atau turut kan kehendak isteri agar tidak menjual?

## Ringkasan Jawapan

Nafkah bermaksud, tanggungan perbelanjaan untuk menyara kehidupan ahli keluarga dengan makanan, pakaian, tempat tinggal dan perbelanjaan yang lain-lain. Oleh itu ia jelas bahawa kewajipan nafkah kepada isteri perlulah dipenuhi oleh suami.

Adapun wang poket isteri tidaklah menjadi kewajipan suami untuk memberinya. Akan tetapi, sekiranya suami tidak berkemampuan untuk memberi lebih selain daripada perkara yang telah ditetapkan adalah lebih baik diadakan perbincangan antara suami dan isteri. Bincangkan berkenaan dengan status kewangan yang sedia ada dan perkara-perkara keperluan yang lain termasuklah isu penjualan kereta tersebut, jika ia merupakan jalan terbaik atau sebaliknya. Ini bukanlah bertujuan untuk suami meraih simpati, akan tetapi supaya masing-masing sama-sama mengerti. Mungkin boleh diselitkan dengan langkah-langkah penjimatan yang dirancang. Wujudkan suasana toleransi di antara pasangan.



## Isu 5



<https://tinyurl.com/bekerjaya>



## Isu 5



Saya seorang yang bekerja. Selama ini suami saya menanggung semua perbelanjaan rumah. Walaubagaimana pun dia tidak memberi saya nafkah belanja saya walaupun RM50. Sebaliknya beliau memberikan wang setiap bulan RM1500 kepada ibu dan adik perempuannya berusia 39 tahun setiap bulan walaupun mereka agak selesa dengan duit pencen arwah bapa mertua dan juga hasil sewa kedai. Adakah ini tidak menyalahi baginya dan saya tidak patut menerima nafkah lain dengan sebab dia telah menanggung keperluan lain? Setiap kali saya ingatkan tentangnya beliau akan marah. Saya cuma mahu dia faham apa yang betul di lakukannya menurut agama.

## Ringkasan Jawapan

Merujuk kepada persoalan puan, hidup berumah tangga merupakan perkongsian hidup susah dan senang. Suami dan isteri mempunyai tanggungjawab masing-masing, dalam masa yang sama isteri berkewajipan untuk mentaati suami dan suami berkewajipan menanggung nafkah keluarga.

Sebagai isteri yang bekerja sudah tentu pekerjaan itu dilakukan dengan keizinan suami, yang bertujuan untuk berkongsi susah dan senang, hidup bahagia membangunkan keluarga, khususnya anak-anak. Bagi situasi puan, suami sudah menjalankan tanggungjawabnya menanggung semua perbelanjaan rumah dan keperluan lain.

Pemberian wang bulanan suami kepada ibu dan adiknya juga merupakan sifat ihsannya yang tetap menjadi tanggungjawabnya walaupun sudah berumah tangga (beristeri), yang dapat menjamin keberkatan hidup.

XOX

## Ringkasan Jawapan

Sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA;

من أحق الناس بحسن صحابتي قال أمك قال ثم من قال ثم أمك قال  
ثم من قال ثم أمك قال ثم من قال ثم أبوك

Maksudnya: "Seorang lelaki datang kepada Rasulullah SAW lalu bertanya, "Siapakah dari keluargaku yang paling berhak untuk berbakti?". Jawab Rasulullah SAW, "Ibumu". Pemuda itu bertanya lagi, "Kemudian siapa?". Baginda menjawab, "Ibumu". Ditanya lagi, "Kemudian siapa?". Jawabnya, "Ibumu". Pemuda tersebut bertanya lagi, "Kemudian siapa". Nabi SAW menjawab, "Kemudian bapamu". (Riwayat Muslim)

Perbelanjaan rumah, sewa rumah/ bayaran rumah adalah termasuk dalam nafkah yang wajib. Namun, jika suami melebihkan selain ahli keluarganya, maka ia perlu diperbetulkan.

## Isu 6



<https://tinyurl.com/berlakuasilantaraanak>



## Isu 6

Saya ingin bertanya adakah seorang bapa atau ibu perlu berlaku adil antara anak-anak dalam pemberian ?

## Ringkasan Jawapan

Menjawab persoalan di atas, adalah amat penting bagi ibu bapa untuk berlaku adil terhadap anak-anak mereka, sama ada dalam melayani mereka atau dalam pemberian. Islam dengan jelas melarang perlakuan yang tidak adil di mana ibu bapa melebihkan atau membezakan anak-anak mereka. Adil dan setara dalam memperlakukan anak-anak adalah nilai yang sangat ditekankan dalam Islam, dan perbuatan sebaliknya adalah tidak dibolehkan.

Justeru, adil dalam pemberian adalah suatu kewajipan. Pendekatan ini ditekankan untuk menghindari segala bentuk ketidakadilan yang dapat memudaratkan anak-anak, seperti berat sebelah atau berlakunya pilih kasih.

Sebagai ibu bapa yang bertanggungjawab, penting untuk memberikan kesaksamaan dalam segala aspek, termasuk layanan dan pemberian. Sikap adil ini akan menambahkan lagi keharmonian dan kesejahteraan dalam kehidupan berkeluarga.

## Isu 7



<https://tinyurl.com/nafkahibubapa>



## Isu 7



Adakah nafkah ibubapa terletak di bawah tanggungjawab anak lelaki atau anak perempuan?

## Ringkasan Jawapan

Memberi nafkah kepada ibubapa yang fakir dan tiada mata pencarian adalah wajib bagi anak-anak tidak kira sama ada lelaki atau perempuan. Semua anak-anak wajib bantu-membantu dalam memberi nafkah terhadap ibubapa yang tidak berkemampuan, sementelahan lagi bagi anak-anak yang memiliki harta lebih dari keperluan.

Sewajarnya bagi setiap anak berazam di dalam diri untuk berbakti kepada ibubapa mereka seupaya mungkin lantaran ibubapa itulah yang telah membesarkan mereka sejak kecil.

# 5.0 PENUTUP



## 5.0 PENUTUP

“

Dalam konteks kekeluargaan Islam, institusi keluarga bukan hanya sekadar hubungan suami isteri dan anak-anak tetapi mencakupi nilai murni, tanggungjawab dan hak yang perlu dipenuhi oleh setiap anggota keluarga bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

”

“

Jika tanggungjawab dan hak tidak ditunaikan dengan sebaiknya, konflik akan terjadi dalam institusi keluarga sehingga memberi kesan yang negatif kepada kesejahteraan keluarga secara keseluruhannya. Walaubagaimanapun, terdapat pelbagai saluran yang boleh diketengahkan bagi mengawal perpecahan institusi keluarga seperti melalui undang-undang keluarga Islam, runding cara, kaunseling dan mendapatkan pertolongan orang tengah.

”

“

Justeru, setiap anggota keluarga perlu memainkan peranan masing-masing bagi memelihara keutuhan institusi keluarga. Institusi kekeluargaan yang kukuh dan stabil dapat memberikan impak yang positif kepada semua pihak dan seterusnya dapat melahirkan masyarakat yang menyumbang kepada negara yang harmoni dan stabil.

”

# 6.0 LATIHAN

## 6.0 LATIHAN



<https://tinyurl.com/latihaninstitusikeluarga>



# 7.0 RUJUKAN

## 7.0 RUJUKAN

Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin dan Che Hashim Hassan (2006), Krisis & Konflik Institusi Keluarga, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Rashid Abdul Azizi, Muhammad Khairi Mahyuddin, Muhammad Nubli Abdul Abdul Rashid Abdul Azizi, Muhammad Khairi Mahyuddin, Muhammad Nubli Abdul Wahab, Husin Sungkar, Nurun Najihah Musa dan Nur A'in Mustafar (2023) Kerangka Konsep Keluarga Malaysia dalam Mencapai Kesejahteraan, Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562) 2023, Volume 8, Issue 1, e002196

Abdul Rashid Abdul Aziz dan Nurun Najihah Musa (2023, Pengurusan Krisis Rumah Anak: Kajian Mengenai Peranan Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah, Disertasi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Coleman, J. W. and Cressey, R. D. (1993). Sosial Problem, 5th. Ed. Harper Collins.

Dato' Ismail Kamus , Mohd. Azrul Azlen Ab. Hamid , Indahnya Hidup Bersyariat , Telaga Biru Sdn Bhd ( ISBN 978-967-5102-30-1) 2009

Dr Abdullah Nasih Al Ulwan, (2012) Tarbiyatul Aulad , Pendidikan Anak dalam Islam. Penerbit Insan Kamil.

Halimatus Saadiah binti Kariya (2016), Penguatkuasaan Perintah Pembayaran Nafkah Anak: Kajian Mengenai Peranan Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah, Disertasi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Hendun Abd. Rahman Shah, Siti Maszuriyati Aziz, Norfadhilah Mohamad Ali, Norsuhaida Che Musa, Adzidah Yaakob, Mustafa 'Afifi Ab. Halim, Nur Umairah Mohd Jais, (2022), Sulh-Mediasi Dalam Talian Dalam Konflik Kekeluargaan di Mahkamah Syariah Malaysia: Prospek dan Cabaran Norma Baharu, 'Ulum Islamiyyah The Malaysian Journal of Islamic Sciences, Vol. 34, No. 3.

Keluarga dan Masyarakat Islam (2017) <https://islamicstudies2017.blogspot.com/>

MSG Sabah, Institusi Keluarga (2009)

<https://msgsabah.blogspot.com/2009/04/institusi-keluarga.html>

Mohamad Shuhmy Shuib Institusi Keluarga

<https://www.scribd.com/doc/2525368/institusi-keluarga>

Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha & 'Ali Al-Sharbaji (2009), *Manhaj Fiqh Al-Shafi'i*, Rasyidah Adam & Shaifudin Maulup, Penterjemah, Negeri Sembilan : Jabatan Mufti Kerajaan Negeri

Nor Dalilah Zakaria, Raihanah Azahari dan Bahiyah Ahmad (2023), *Elemen Kebertanggungjawaban Rumah Tangga Menurut Perspektif Islam*, Jurnal Fiqh, Vol. 20 No. 2, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Nurhanisah Hadigunawan dan Raihanah Azahari (2016) *Penghayatan Islam dan Hubungannya Dengan Konflik Rumah tangga: Kajian di Unit Runding Cara, Bahagian Undang-undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor*, Jurnal Syariah, Jil. 24, Bil. 3, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Nur Zulfah Md Abdul Salam, Azizah Mohd Rapini & Surianom Miskam (2020), *Keperluan Runding Cara Dalam Penyelesaian Konflik Kekeluargaan: Kajian Awal Di Klinik Runding Cara Syariah Dan Undang-Undang*, KUIS, *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke -5 (PASAK5 2020) – Dalam Talian*.


Nurul Naimah Rose dan Mohd Yusri Mustaffa (2018), *Tekanan dalam Keluarga: Faktor-faktor, Kesan dan Strategi Daya Tindak Menangani Tekanan*, *Journal of Human Development and Communication*, Volume 7. Universiti Malaysia Perlis.

Shamsul Kamal Abdullah (2008), *Modul Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia : Pendidikan Islam 2*, Kelantan: Perpustakaan Politeknik Kota Bharu

Wista Ahmad (2008), *Perkahwinan Menurut Perspektif Islam*, Shah Alam : Angkatan Ent. Sdn. Bhd.

<https://jheains.ns.gov.my/>

Penerbit:



**POLITEKNIK BALIK PULAU**

Pinang Nirai, Mukim E

11000 Balik Pulau

Pulau Pinang



Tel: 04-868 9000

Fax: 04-869 2061



Email:

[politeknikbalikpulau@pbu.edu.my](mailto:politeknikbalikpulau@pbu.edu.my)

Website:

[pbu.mypolycc.edu.my](http://pbu.mypolycc.edu.my)

**INSTITUSI KELUARGA**

e ISBN 978-967-2765-13-4



9 789672 765134

**POLITEKNIK BALIK PULAU**

**(Online)**